

Banjir kilat di Batu Tiga tiada kesudahan

SHAH ALAM 28 Jan. - Setiap kali hujan lebat, pasti berlaku banjir kilat di laluan utama di Seksyen 22, Batu Tiga, berhampiran kilang gula di sini.

Penduduk dan pengguna jalan itu kesal kerana masalah yang berlarutan sejak beberapa tahun lalu itu seolah-olah tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa.

Sehubungan itu, mereka mahukan perhatian serta tindakan segera pihak terbabit seperti menaik taraf kemudahan parit, benteng atau saliran di situ.

Seorang penduduk, **Khairul Anuar Abdul Rahman**, 38, mendakwa, masalah banjir kilat berlaku sejak beberapa tahun lalu akibat kegagalan sistem saliran berfungsi secara berkesan.

"Masalah banjir kilat di Batu Tiga merupakan masalah berulang. Pihak berkuasa perlu mengambil langkah lebih proaktif dalam mengkaji punca berlakunya masalah tersebut.

"Setiap kali hujan lebat, air akan bertakung dan mengambil masa yang lama untuk sampai ke longkang atau saliran terdekat.

"Saya cadangkan pihak berkuasa agar menyediakan saluran keluar yang lebih banyak dan dihubungkan dengan longkang bersaiz besar agar air dapat disalurkan dengan cepat sekiranya hujan lebat," katanya di sini, baru-baru ini.

Beliau mengulas kejadian banjir



KHAIRUL ANUAR



NOR HISHAM SES



MOHAMAD

kilat yang melanda kawasan itu kelmarin.

Seorang penduduk Kampung Kebun Bunga yang terletak berhampiran kawasan itu, **Mohamad Awang Kechil**, 57, berkata, banjir kilat bukan sahaja melibatkan kawasan di hadapan kilang gula tersebut malahan kampungnya turut menerima kesan sehingga air naik lebih satu meter.

Menurutnya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Jabatan Kerja Raya perlu duduk semeja mencari jalan penyelesaian dan bukannya mengambil sikap tunggu dan lihat.

"Saya tinggal di sini hampir 30 tahun dan masalah ini sudah begitu lama berlaku, maka sepatutnya pihak berkuasa mengambil tindakan segera dalam menangani isu ini.

"Apabila hujan lebat turun, air dari anak sungai di Seksyen 19,

Subang Jaya dan Damansara masuk ke laluan ini sehingga menyebabkan limpahan.

"Dalam kejadian kelmarin, air yang melimpah menjadi pegun dan hanya kering selepas hampir 12 jam," katanya.

Sementara itu, Naib Ketua UMNO Bahagian Shah Alam, **Datuk Nor Hisham Ses** berkata, pihak berkuasa seharusnya segera mengatasi masalah tersebut kerana banjir menyebabkan kerosakan pada premis perniagaan dan rumah penduduk.

"Saya percaya pembinaan parit monsun, tambak mahupun ban yang tinggi mampu mengatasi masalah limpahan air.

"Sepanjang saya tinggal di bandar raya ini, masalah banjir di kawasan itu sering menyebabkan kesesakan lalu lintas dari Lebuhraya Persekutuan hingga kawasan industri Batu Tiga dan ini menyusahkan orang ramai," ujarnya.



KEADAAN banjir kilat yang berlaku selepas hujan lebat di Batu Tiga, Shah Alam, Selangor, kelmarin.